



KEADAAN kawasan Pos Dipang selepas tragedi banjir lumpur.

# Tragedi banjir Pos Dipang

Kejadian pada petang 29 Ogos 1996 korbankan 39 nyawa penduduk Orang Asli manakala lima lagi dilaporkan hilang.

Oleh Nasron Sira Rahim  
nasron@bharian.com.my

**K**EBANYAKAN penduduk Perkampungan Orang Asli Pos Dipang, Kampar, Perak hanya mampu terperap di rumah masing-masing kerana hujan terlalu lebat ketika itu. Hujan sejak jam 12 tengah hari, masih tidak berhenti walau sudah enam jam berlalu.

Tiba-tiba, satu dentuman kuat bersejang-seli dengan derauan hujan dari arah bukit di belakang kampung berkenaan, kedengaran. Penduduk tersentak, tertanya-tanya apakah bunyi aneh itu.

Beberapa minit kemudian mereka sekali lagi mendengar satu bunyi pelik. Belum sempat mereka memikirkan apa-apa, dinding rumah mereka terus pecah dan air bercampur lumpuh menerjah ke dalam.

Rempuhan arus deras menyebabkan ada penduduk tercampak keluar dari rumah masing-masing, manakala beberapa rumah yang terletak di tebing Sungai Dipang terus runtuh dan dihanyutkan.

Sebaik menyedari banjir lumpur mula 'membaham' perkampungan Orang Asli itu, penduduk mula panik, jeritan mula kedengaran di mana-mana dan ada antara mereka mula meluru keluar daripada kediaman untuk menyelamatkan

## FAKTA

### Tragedi banjir lumpur di Pos Dipang

- Berlaku pada 29 Ogos 1996, kira-kira jam 6 petang.
- Mengorbankan 39 mangsa dan lima hilang.
- Semua mangsa, kecuali enam orang daripada keluarga Cina yang tinggal di Bah Hon Hin kira-kira enam kilometer dari Perkampungan Orang Asli Pos Dipang ialah penduduk Orang Asli.
- Perkampungan itu mempunyai kira-kira 60 rumah yang dibina dengan bantuan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dan dihuni kira-kira 1,500 penduduk.
- Penempatan itu dibuka pada 1978 apabila dusun buah-buahan yang mereka usahakan di situ mengeluarkan hasil. Sebelum ini penduduk tinggal di Batu 19 Jalan Cameron Highlands, tidak jauh dari situ.



■ ANGGOTA penyelamat sedang memindah mayat penduduk yang ditemui dalam tragedi Pos Dipang.

...keadaan dan akibat yang ditimbulkannya diri.

Bagaimanapun, sebaik keluar dari rumah, dengan pantas juga arus deras menyambar. Ramai penduduk dibawa bergelungan sambil tenggelam timbul bersama arus, beberapa kali badan mereka terhentak dan tercucuk dahan kayu.

Keadaan berlaku tanpa diduga. Ketika dibawa arus, jeritan meminta tolong terus bergema sebelum mulut dimasuki air berlumpur. Seseengah mereka tersangkut pada pokok manakala seseengah lain ghaib tenggelam di bawah air banjir. Sekelip mata, puluhan mangsa dihanyutkan entah ke arah mana.

Arus deras turut menghanyutkan batang pokok besar yang dipercayai ditinggalkan di atas bukit di hulu penempatan itu ketika kerja penebangan balak dijalankan beberapa tahun

sebelum itu.

Hentaman balak dan rempuhan banjir menyebabkan 30 rumah musnah, 20 lagi rosak dan puluhan penduduk kampung yang kebanyakannya terdiri daripada Orang Asli hilang dalam tragedi itu.

Mereka yang terselamat, berpaut pada pohon atau apa saja yang mampu mengelakkan mereka daripada hanyut. Dalam ketakutan, mereka mengharap-kan supaya petaka itu segera berakhir.

Petang mula beranjak ke malam dan suasana sekitar mula menjadi gelap. Pasukan penyelamat yang menyedari tragedi buruk berlaku di kawasan berkenaan segera bergegas ke lokasi kejadian walau pandangan dihijab kelam.

Seramai 400 anggota penyelamat membabitkan polis daerah Kinta, pasukan bomba pusat, pasukan 2 Briged Rejimen Renjer Diraja Ipoh, Pasukan 69 Komando Pasukan Gerakan Am (PGA)

Ulu Kinta, Batalion Ketiga PPH Bidor, kakitangan Pejabat Daerah Kampar dan Pasukan Pertahanan Awam Ipoh memulakan gerakan mencari mangsa.

Mayat pertama iaitu seorang wanita Orang Asli berusia lingkungan 30 tahun, ditemui kira-kira jam 1.30 pagi. Operasi mencari terus dijalankan.

Ketika itulah, pasukan penyelamat mula menyedari yang operasi mencari bukanlah sesuatu yang mudah. Arus masih mengalir deras, cuaca amat gelap berikutan terputusnya bekalan elektrik.

Mereka mencuba semampu boleh sementara menunggu malam bertukar siang bagi meneruskan kerja mencari mangsa. Sebaik matahari menjelma, terteralah pemandangan yang begitu menggerunkan.

Pagi semalam, Perkampungan Orang Asli Pos Dipang tidak seperti itu tetapi selepas 24 jam berlalu, hujan lebat

menyebabkan kawasan kampung berkenaan menjadi kawasan bencana!

Pasukan penyelamat meneruskan operasi mencari. Dalam kesukaran, mereka terpaksa menggali timbunan tanah bercampur lumpur setebal kira-kira 1.5 meter dan mengalihkan pokok yang tumbang untuk mencari kemungkinan mayat mangsa di bawahnya.

Pihak penyelamat hanya menggunakan tenaga manusia untuk mencari mayat mangsa dan keadaan tempat kejadian yang berselerak dipenuhi kesan runtuhannya rumah dan pokok tumbang menyebabkan kerja mencari lebih sukar dilakukan.

Bantuan juga sukar disampaikan kerana jambatan di Sungai Dipang yang menghubungkan kampung itu dengan Kampar roboh dilanda arus, menyebabkan pasukan bantuan terpaksa melalui jalan jauh iaitu Chenderiang dari Tapah.

Sehingga berakhirnya hari kedua kejadian iaitu 30 Ogos 1996, tragedi banjir lumpur itu mencatatkan penemuan 15 mayat mangsa, manakala 27 lagi dipercayai masih hilang dihanyut banjir lumpur.

Operasi yang dijalankan kemudian terus mencatatkan penambahan jumlah mangsa yang maut terdiri daripada bayi seawal tujuh bulan sehingga ke penduduk tua berusia 70 tahun. Malah satu daripada mayat mangsa tragedi banjir lumpur itu dijumpai hanyut sehingga ke Sungai Kinta, Malim Nawar, kira-kira 48 kilometer dari tempat kejadian.

Pada 11 September 1996 iaitu selepas 13 hari berlalu, operasi mencari mangsa dihentikan dengan jumlah angka korban tragedi banjir lumpur Perkampungan Orang Asli Pos Dipang, dicatatkan kepada 39 orang manakala lima lagi masih hilang dan gagal ditemui.



**MAYAT yang ditemui di bawah timbunan runtuhannya**

